

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 21.10.2015

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi pengiktirafan kepada Peperiksaan Gabungan Sekolah Menengah Cina (UEC) sepertimana yang telah diumumkan di negeri Sarawak pada 21 September 2015. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhubung sijil *Unified Examination Certificate* (UEC) **masih kekal untuk tidak mengiktiraf lulusan UEC** atas sebab seperti berikut:

- i. UEC merupakan anugerah persijilan peperiksaan yang dikelolakan oleh MICSS yang tidak akur kepada Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan;
- ii. Standard kurikulum UEC adalah tidak sama dengan kurikulum kebangsaan;
- iii. Piawai dan kawalan ke atas peperiksaan UEC adalah berlainan dengan piawai sistem peperiksaan kebangsaan;

dan

- iv. Kementerian Pelajaran Malaysia tidak mengawal taraf piawai ujian peperiksaan UEC.

Berdasarkan kepada peruntukan dan peraturan pendidikan yang berkuat kuasa di bawah Akta Pendidikan 1996, maka, KPM tidak berhasrat mengiktiraf sijil UEC memandangkan ianya bukanlah pensijilan peperiksaan yang dikendalikan oleh KPM dan sijil UEC tersebut juga tidak diiktiraf oleh kerajaan.

RJM08